



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 22/03/19**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PENGAWAS PAKAIAN DAN SOLEK (D.3 EB.4-5)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



### Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat

berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';

- Kad pengenalan dan Lesen Memandu.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>

- SIJIL-SIJIL** (sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSCRIPT** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">BGCE O LEVEL.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">NTC2.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Skill Certificate 2.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Skill Certificate 3.pdf</a>

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).





## My Profile

### Working Experience

Public and Ex-Government Employee 

Current Government Employee 

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	

### Current Appointment

Starting Date

01/02/2012

Ministry

Prime Minister's Office

Department

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Job Title

KERANI



- 1. PENOLONG PENGAWAS PAKAIAN DAN SOLEK  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN= DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang *Dressmaking And Tailoring / Pakaian / Cosmetology / Persolekan / Pendandan Rambut* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 4 tahun.

2. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.
4. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal ehwal imej / fesyen / persolekan / aksesori dan tekstur bagi pakaian dan solekan termasuk dandanan rambut dan hijab.
6. Mempunyai pengalaman, kemahiran dan pengetahuan dalam hal ehwal imej, fesyen, aksesori dan tekstur bagi pakaian atau solekan (termasuk dandanan rambut dan hijab) adalah kelebihan.



5. Hendaklah mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk memahirkan diri dalam bidang yang diamanahkan, kreatif dan pro-aktif serta dapat bekerja secara berkumpulan.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

#### **SUB-UNIT PAKAIAN**

1. Menyelenggarakan tugas-tugas yang berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan pakaian kepada artis, pengacara, juruhebah, pembaca berita dan sebagainya bagi rancangan yang berkenaan yang disiarkan ke Televisyen Brunei.
2. Bertugas mengikut jadual kerja-kerja harian sub-unit tersebut bagi keperluan penyiaran ke Televisyen Brunei termasuk di dalam studio dan juga di lokasi luar.
3. Bersedia semasa penggambaran rakaman rancangan / siaran langsung sama ada di dalam studio atau di lokasi luar sehingga rancangan tersebut selesai.
4. Mereka imej pakaian, pembuatan ubah suai, pemotongan, jahitan dan mensterika serta memastikan tugas-tugas tersebut sentiasa dijalankan dengan baik, terurus dan teratur menepati kehendak pihak Jabatan Radio Televisyen yang berkenaan dan juga menurut peraturan-peraturan penyiaran yang sedia ada.
5. Menyediakan penggunaan pakaian untuk artis, pengacara, juruhebah, pembaca berita dan sebagainya bagi rancangan yang berkenaan yang disiarkan ke Televisyen Brunei serta menyimpan semula pakaian tersebut dengan kemas dan terpelihara dengan baik dan teratur.
6. Memastikan peralatan-peralatan yang digunakan dalam kerja-kerja rekaan imej pakaian, pembuatan ubah suai, pemotongan, jahitan dan mensterika sentiasa disimpan semula dengan kemas dan terpelihara dengan baik dan teratur.
7. Membantu Ketua Sub-Unit Pakaian dalam menghasilkan rekaan imej pakaian yang berkualiti dan menarik dalam rancangan yang berkenaan.



8. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar waktu bekerja biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
9. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

#### **SUB-UNIT SOLEK DAN DANDANAN RAMBUT**

1. Menyelenggarakan tugas-tugas yang berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan solekan dan perdandanan rambut kepada artis, pengacara, juruhebah, pembaca berita dan sebagainya bagi rancangan yang berkenaan yang disiarkan ke Televisyen Brunei.
2. Bertugas mengikut jadual kerja-kerja harian Sub-Unit tersebut bagi keperluan penyiaran ke Televisyen Brunei termasuk di dalam studio dan juga lokasi luar.
3. Bersedia semasa penggambaran rakaman rancangan / siaran langsung sama ada di dalam studio atau di lokasi luar sehingga rancangan tersebut selesai.
4. Mereka imej solekan dan perdandanan rambut / tudung serta memastikan tugas-tugas tersebut sentiasa dijalankan dengan baik, terurus, dan teratur menepati kehendak pihak Jabatan Radio Televisyen yang berkenaan dan juga menurut peraturan-peraturan penyiaran yang sedia ada.
5. Menyediakan peralatan atau aksesori bagi solekan dan perdandanan rambut / tudung untuk artis, pengacara, juruhebah, pembaca berita dan sebagainya bagi rancangan yang berkenaan yang disiarkan ke Televisyen Brunei serta menyimpan semula peralatan atau aksesori tersebut dengan kemas dan terpelihara dengan baik dan teratur.
6. Memastikan peralatan-peralatan yang digunakan dalam kerja-kerja solekan dan perdandanan rambut / tudung sentiasa disimpan semula dengan kemas dan terpelihara dengan baik dan teratur.
7. Membantu Ketua Sub-Unit Solek dan Dandanan Rambut dalam menghasilkan rekaan imej solekan dan perdandanan rambut / tudung yang berkualiti dan menarik dalam rancangan yang berkenaan.



8. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk diluar waktu bekerja biasa dan dimana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
9. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.